



**1. JURUTERA**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = 1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik / Kejuruteraan Komputer / Komunikasi Massa / Penyiaran Audio dan Video Sistem atau bidang bersesuaian.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA :**

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera Pengawas dalam satu-satu bidang yang khusus dalam kejuruteraan penyiaran.
2. Bertanggungjawab secara langsung kepada Jurutera Penguasa dalam beberapa hal yang tertentu.
3. Dalam urusan seharian, Jurutera dikehendaki mengawasi fungsi-fungsi yang diamanahkan dan bertanggungjawab bagi menjalankan prestasi Unit dan kakitangan yang berkenaan.
4. Hendaklah memastikan Unit di bawah jagaannya dapat menyediakan perkhidmatan yang dipohonkan oleh kakitangan dalam hal ehwal penerbitan dan rancangan serta membantu bahagian-bahagian lain.
5. Jurutera sering diberikan kuasa menilai prestasi kumpulan bekerja, membantu dalam menentukan keperluan bagi kemajuan mereka dan seterusnya membantu dalam membuat saranan tentang cara untuk memenuhi keperluan tersebut.
6. Membantu dalam merangka anggaran belanjawan, bentuk serta pengawasan projek-projek yang berkaitan dengan bahagian masing-masing.



7. Jurutera yang dilantik akan ditempatkan mengikut keperluan bagi tugas-tugas pengurusan yang bertanggungjawab keseluruhan bagi satu kawasan, lokasi atau operasi di bawah seksyen-seksyen seperti berikut:-
  - i) Seksyen Perkhidmatan Bangunan / Elektrikal dan Group Technology;
  - ii) Seksyen Siaran Luar;
  - iii) Seksyen Pemancaran dan Satelit;
  - iv) Seksyen Studio Radio dan Audio;
  - v) Seksyen Studio dan Rakaman Tv.
8. Bersedia bertugas pada mana-mana tempat yang diarahkan dan pada bila-bila masa waktu pejabat, bergilir-gilir (*shift*) atau masa tidak menentu mengikut keperluan semasa seperti bertugas pada hujung minggu dan hari-hari kelepasan awam.
9. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.